

BERNAMA > BERITA

Pinjaman Mudah RM140 Juta Untuk Biayai Projek Capex - PBAPP

Tarikh kemaskini: 15/10/2017

GEORGE TOWN, 15 Okt (Bernama) -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menjelaskan bahawa dua 'pinjaman mudah' daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM140 juta, bertujuan membiayai projek-projek perbelanjaan modal (capex), dan bukannya untuk tujuan aliran tunai.

Dalam satu kenyataan hari ini, Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Jaseni Maidinsa berkata syarikat itu tidak berhadapan atau mengalami isu aliran tunai memandangkan ia merupakan syarikat senaraian awam, dengan PBA Holdings Bhd melaporkan keuntungan operasi dan membayar dividen kepada pemegang saham selama 14 tahun berturut-turut sejak 2003.

"PBAPP kesal atas laporan berita yang mendakwa kononnya syarikat itu menghadapi masalah aliran tunai. Ini tidak benar sama sekali."

"Syarikat itu berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang menyediakan pinjaman RM140 juta kepada PBAPP bagi membiayai projek capex. Pinjaman ini akan membolehkan PBAPP melaksanakan dengan jayanya program bagi menyokong 'dasar tiada catuan air' di Pulau Pinang menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata kos projek capex sangat tinggi dan pembiayaan besar diperlukan.

Jaseni berkata PBAPP melabur RM484 juta untuk 262 projek capex di Pulau Pinang antara 2008 dan 2016.

"Pinjaman mudah ini sebahagian besarnya digunakan untuk projek berkaitan pembangunan sumber air, menaik taraf dan membina loji rawatan air dan takungan, memasang saluran paip utama, pengurusan air bukan hasil, selain projek pengkomputeran dan sistem maklumat geografi," katanya.

Beliau berkata projek itu bertujuan meningkatkan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang selain mengelak catuan air semasa musim panas berpanjang, untuk manfaat 1.72 juta penduduk dan beribu-ribu perniagaan.

-- BERNAMA